

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	KPerak-YIM cungkil bakat inovasi	Utusan Malaysia
2	Usaha cungkil bakat muda kreatif	Kosmo
3	Anugerah WIF-KL 2013: 10 Pereka Bawa Pulang Habuan RM227,000	Bernamea.com
4	Guru hasilkan aplikasi android	Utusan Malaysia
5	Inovasi pelajar SM Taayah dapat pengiktirafan	Utusan Malaysia
6	Inovasi canggih daripada Cikgu YouTube	Kosmo
7	Z-Filter penapis istimewa bagi air dicemari minyak	Kosmo
8	Why are most big storms given female names?	New Straits Times
9	Deadly wrath of a 'woman'	The Star
10	SIRIM pencetus transformasi teknologi negara	Utusan Malaysia
11	27 peratus pelajar mangsa buli 'online'	Harian Metro
12	Pelajar guna telefon pintar terdedah ancaman jenayah siber	Utusan Malaysia
13	State clear stand on TPPA, says Santiago	The Sun

KPerak-YIM cungkil bakat inovasi



SHAHRUL Zaman Yahya (berdiri, kanan) menyaksikan pertukaran dokumen World Innovation Forum Kuala Lumpur 2013 (WIFKL), baru-baru ini.

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**
hesham.idris@utusan.com.my

IPOH 14 Nov. - KPerak Inc. dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) mengorak langkah proaktif dalam usaha mencungkil bakat inovasi dan inisiatif perkongsian pintar apabila menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersempena World Innovation Forum (WIF) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

MoU ini melibatkan kerjasama dalam mengenal pasti dan menggalakkan program inovasi dan kre-

ativiti yang akan dijalankan oleh kedua-dua pihak melalui pelbagai program.

MoU itu menggabungkan kerjasama dalam penganjuran pelbagai acara seperti pertandingan, pameran, mempromosi untuk menonjolkan idea kreatif dan inovasi rakyat Malaysia.

Turut hadir dalam majlis MoU itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin dan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Rosli Mohamed.

Pengerusi Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia negeri Perak, Datuk Shahrul Zaman Yahya menyifatkan kerjasama itu sebagai platform terbaik untuk mengembangkan inovasi sambil menyifatkan MoU itu sebagai satu perkongsian pintar.

"Kita mahu lihat inovasi yang di luar jangkauan kerana bidang ini melibatkan aspek yang cukup luas.

"MoU ini merupakan satu platform untuk penambahbaikan perniagaan sedia ada terutama bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS)," katanya pada majlis tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif KPerak, Mohd. Nazaruddin Mohd. Yusoff memberitahu, satu program jelajah akan diadakan di setiap daerah di negeri ini bagi mencungkil bakat orang ramai dalam projek inovasi seterusnya diketengahkan.

"Kami sudah pun memulakan Jelajah Inovasi tahun ini dan mengadakan roadshow di empat daerah utama di Perak dan ia berjaya menarik 40 penyertaan dan diharapkan jelajah sebegini akan berterusan," kata Nazaruddin.

'Jelajah Inovasi' itu turut menasarkankan pencarian produk inovasi baru dalam kalangan masyarakat di negeri ini.

Penubuhan Skwad Inovasi itu juga dapat menyediakan lebih banyak peluang untuk mempromosikan produk inovasi dalam kalangan belia terutamanya di kawasan luar bandar.

Dalam masa yang sama, WIF 2013 ini turut menyaksikan penglibatan beberapa peserta khususnya dari negeri Perak yang mempamerkan produk inovasi masing-masing.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 22
TARIKH: 15 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)

Dua agensi galak program inovasi di luar jangkauan pemikiran
Usaha cungkil bakat muda kreatif



EWON (tengah) beramah mesra dengan para peserta Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur 2013 di ibu negara baru-baru ini. Turut kelihatan Shahrul (dua dari kanan).

lakkan penganjuran program inovasi yang kreatif dalam bentuk pertandingan dan pameran.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr. Rosli Mohamed menghadiri majlis tersebut yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Perak, Datuk Shahrul Zaman Yahya menyifatkan kerjasama kedua-dua pihak itu menjadi platform untuk mengembangkan inovasi sebagai satu inisiatif perkongsian pintar.

"Kita mahu lihat inovasi di luar jangkauan kerana ia melibatkan aspek yang cukup luas.

"Ia juga menjadi platform untuk penambahbaikan perniagaan sedia ada terutamanya bagi industri

Kita mahu lihat inovasi di luar jangkauan kerana ia melibatkan aspek yang cukup luas

SHHRUL

kecil dan sederhana," katanya.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif KPerak, Mohd. Nazaruddin Mohd. Yusoff, satu program dinamakan Jelajah Inovasi akan dilaksanakan di setiap daerah di Perak bagi mencungkil bakat orang ramai dalam menghasilkan pelbagai projek inovasi yang diketengahkan dalam pasaran.

"Setakat ini ia berjaya menarik 40 orang yang berminat. Diharapkan jelajah sebegini berterusan untuk jangka masa panjang," katanya.

Selain itu katanya, Jelajah Inovasi menyasarkan pencarian produk inovasi baharu dalam kalangan masyarakat di Perak.

Penubuhan Skwad Ino-

vasi juga menyediakan lebih banyak peluang untuk mempromosikan produk inovasi dalam kalangan belia terutamanya di kawasan luar bandar.



SATU majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara KPerak Inc. (KPerak) dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) bertujuan mencungkil bakat kreatif dalam inovasi telah diadakan bersempena Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL 2013) di ibu negara baru-baru ini.

MoU tersebut membatinkan kerjasama kedua-dua pihak dalam mengenal pasti dan mengga-



Anugerah WIF-KL 2013: 10 Pereka Bawa Pulang Habuan RM227,000

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Hadiah wang tunai berjumlah RM227,000 menjadi milik 10 pereka cipta dan inovasi tempatan pada malam gala Forum Inovasi Dunia-Kuala Lumpur (WIF-KL) 2013. Antaranya Anugerah Pakar Teknologi, Perkhidmatan Inovasi Kebangsaan dan Saintis Muda Kebangsaan yang disampaikan oleh [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin di sini](#), Khamis malam. Profesor Madya Dr M. Iqbal Saripan, 33, dari Universiti Putra Malaysia (UPM) diumumkan pemenang anugerah Saintis Muda Kebangsaan dengan ciptaan alat pengesanan awal kanser menggunakan 'Wire Mesh Collimator Gamma Camera (Nuclear Imaging) yang mampu mengimbas seluruh badan manusia terhadap penyakit tersebut. Katanya anugerah itu membuktikan kerajaan menyediakan platform untuk golongan muda menyerlahkan bakat dalam bidang inovasi sekaligus memberi pengiktirafan para pereka cipta dan inovasi untuk meneruskan usaha penyelidikan. Jamaluddin Ismail, 56, dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Butterworth pula muncul pemenang kategori Inovasi Kebangsaan bagi kategori Perkhidmatan berdasar rekaan alat Pelangi Alternative Solution Adaptor 06 (PASA 06) iaitu sejenis 'elbow' yang disambungkan kepada pili paip bomba sewaktu kecemasan untuk memadam kebakaran. Mengulas kemenangannya, Jamaluddin berkata ciptaan itu diusahakan bersama lapan anggota kumpulan lain sejak 2006. Jamaluddin yang tidak menyangka untuk memenangi anugerah itu berkata kemenangan itu membuktikan rakyat negara ini sebenarnya kreatif dan mampu mencipta alatan demi kebaikan masyarakat dan dalam pada masa sama menambah kualiti perkhidmatan. Katanya alat itu kini sudahpun digunakan oleh jabatan bomba di Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Pemenang Anugerah Pakar Teknologi pula Norman Jamlus, 43, dari Telekom Research & Development Sdn Bhd pula berkata, inovasi 'High Isolation Repeater Antennas' untuk Komunikasi Kawasan Luar Bandar Menggunakan CDMA450 diilhamkan bagi membantu mengurangkan jurang telekomunikasi di kawasan tersebut dengan kos yang lebih ekonomi. Produk tersebut sebelum ini telah memenangi anugerah emas untuk 'Best Communications Applications category for Malaysia-APICTA (Asia Pacific ICT Awards) 2012. Anugerah lain yang turut disampaikan ialah anugerah bagi kategori Inovasi Sekolah, Produk, Industri Kecil Sederhana (SME) dan anugerah Inovasi Perniagaan.

-- BERNAMA

